

MAJLIS PENYAMPAIAN PERUTUSAN KHAS PANGLIMA TENTERA UDARA SEMPENA HARI ULANGTAHUN TUDM KE-60

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3517-majlis-penyampaian-perutusan-khas-panglima-tentera-udara-sempena-hari-ulangtahun-tudm-ke-60

SUBANG, 1 Jun 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah membacakan Perutusan Khas sempena Hari Ulangtahun TUDM ke-60 bertempat di Dewan Ababil, Pangkalan Udara Subang hari ini.

Hadir semasa majlis ini adalah Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Ab Wahab TUDM; Panglima Pendidikan & Latihan Udara, YBhg Lt Jen Dato' Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM, Pegawai-pegawai Kanan TUDM serta warga TUDM.

Pembacaan Perutusan Khas ini juga turut disaksikan oleh warga TUDM di pangkalan-pangkalan melalui sidang video (VC).

Terdahulu, Panglima Tentera Udara telah merasmikan Pelancaran Tema dan Logo Hari Ulangtahun TUDM ke-60.

Di majlis yang sama, Panglima Tentera Udara telah menyempurnakan penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) kepada lapan anggota PTTK Pangkalan Udara Subang.





